

nanya mengajar, ujarnya.

Tegasnya, guru kelas pertama akan melahirkan pelajar minda kelas pertama yang bukan sahaja membentuk pelajar cemerlang, tetapi dalam masa yang sama membentuk insan kamil iaitu manusia yang berguna kepada diri, agama, bangsa dan negara.

"Tugas ini yang perlu digalas oleh guru dan kalau kita mahu murid cemerlang guru kena cemerlang dulu dari segi kualiti, kemahiran dan kebolehan," katanya.

Beliau menegaskan, suasana pembelajaran yang menyeronokkan termasuk guru, proses pembelajaran dan kawan-kawan akan merangsang tumpuan, minat dan komitmen pelajar untuk belajar dengan baik dan pada waktu itu guru mampu memasukkan elemen tanggungjawab, nilai dan tugas.

Justeru katanya, kaedah penyampaian perlu betul selain corak mengajar, penyampaian, pedagogi yang berkesan dan tidak terikat dengan silibus penting supaya guru menjadi lebih kreatif, inovatif dan tidak kaku sekali gus memudahkan penerimaan pelajar dan lebih menyeronokkan.

Beliau berharap, hubungan yang terjalin tidak terhenti setakat ini demi mengangkat martabat guru-guru sekolah agama untuk menggilap bakat dan prestasi pelajarnya.

Tambahnya, UUM bersedia menawarkan program peringkat sarjana untuk mengikuti kelas di Kelantan malah mereka yang cemerlang akan mendapat biasiswa selaras dengan hasrat MyBrain 15 yang mensasarkan seramai 18,000 pemegang PhD menjelang 2015.

Beliau berucap di hadapan kira-kira 152 pelajar pada majlis menandatangani Memorandum Perjanjian (MoA) antara UUM dengan Persatuan Guru Sekolah Agama Bantuan Kerajaan Kelantan (PGSABK) anjuran UUM College of Arts And Sciences (UUM CAS) di EDC-UUM, semalam.

UUM menjadi pilihan PGSABK bagi program Diploma Pendidikan selama 22 bulan untuk meningkatkan ilmu pengetahuan dan kualiti guru-guru sekolah agama di Kelantan.

Habis.